

Siswazah2 digesa bantu petani dan nelayan tingkatkan pengeluaran

U.M. - 7 AUG 1989

[POH 6 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru para siswazah supaya membantu golongan petani, penternak dan nelayan meningkatkan lagi pengeluaran dalam bidang masing-masing.

Perdana Menteri berkata, para siswazah perlulah memainkan peranan mereka dengan mencemburkan diri di bidang pertanian dan ternakan untuk membantu kerajaan membangunkan sektor tersebut bagi meningkatkan taraf pendapatan penduduk - penduduk kampung.

Menurut Perdana Menteri banyak peluang terdapat di negara ini kerana tanahnya subur dan tidak pernah menghadapi malapetaka yang serius.

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup para petani,

penternak dan nelayan dengan memperkenalkan benih - benih baru dan baik di samping menggalakkan penggunaan teknologi moden.

Kita perlu bekerja kuat dan rajin untuk meninggikan taraf hidup kerana zaman hidup kais makan pagi dan kais petang makan petang sudah berlalu, sebaliknya kita hendaklah meningkatkan pengeluaran supaya rakyat boleh menikmati pendapatan yang lebih baik seperti di Thailand sekarang, tegasnya.

Berucap melancarkan perayaan Han Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan di Medan Gopeng di sini, beliau berkata, para siswazah boleh membantu kerajaan dalam hal ini selaras dengan tema Hari Peladang tahun ini 'Bersatu meningkatkan penggunaan teknologi pertanian.'

Kita mahu golongan terpelajar bukan sekadar untuk jadi pengurus sahaja atau sekadar mahir dalam mengendalikan jentera bar-u saja tapi hendaklah mencari bidang yang sesuai untuk meningkatkan pendapatan dan pengeluarannya.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Pertanian Datuk Sri Sanusi Junid.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, banyak hasil pertanian yang boleh dieksport seperti cekur manis, yang baru - baru ini tersiar dalam media massa, boleh dipasarkan keluar negeri dan sejenis sayur Sabah yang mana pucuknya adalah manis untuk dimakan.

Begitu juga ternakan arnab dan bukan sahaja dagingnya boleh dimakan malah bulunya boleh dibuat baju.

Temakan kambing biri - biri juga berpotensi kerana ia boleh dieksport ke negara - negara Arab, jika diizinkan dagingnya boleh disembelih di sini un-

tuk dipasarkan ke sana, manakala kulit kambing pula boleh dibuat pakaian untuk dieksport.

Beliau berkata, kita tidak perlu mempunyai pendapatan yang berlebihan dan tinggi kerana ia membawa inflasi

akibat kenaikan harga barang - barang makanan yang terpaksa diimport.'

"Apa yang amat penting bagi kita ialah mengeluarkan hasil - hasil makanan supaya menjadi murah kerana kalau kita terlalu banyak mengimport makanan akan berlakulah inflasi.